

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (ISU PENCEROBOHAN RUMAH DI PAYA JARAS)

TARIKH: 23 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 08

KPKT sedia bantu penduduk

AMPANG - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia membantu penduduk yang terlibat dalam perobohan rumah di pinggir Sungai Kedondong, Paya Jaras selepas permohonan mereka untuk memiliki Rumah Selangorku ditolak pemaju.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, kerajaan negeri melalui Exco berkaitan boleh berhubung dengan beliau dan menyerahkan senarai penduduk terlibat bagi tujuan tersebut.

Menurutnya, pihak kementerian akan meneliti cara mempermudah penduduk mendapatkan rumah Program Perumahan

Rakyat (PPR), Rumah Selangorku dan sebagainya.

"Kita akan lihat program pembiayaan melalui bank. Kita sedang menyediakan kepada rakyat kemudahan membolehkan mereka membuat pinjaman rumah, insya-ALLAH," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Plogging Trash To Cash Zon 18 di Pandan Indah di sini semalam.

Tambah Zuraida, pakej pembiayaan Skim Rumah Mampu Milik kini di peringkat akhir untuk dimuktamadkan dengan perbincangan bersama Bank Negara dan institusi perbankan.



Zuraida (tiga dari kanan) beramah mesra dengan sukarelawan Team Selangor pada program Plogging Trash To Cash Zon 18 di Pangsapuri 940 Jalan 3/3 Pandan Indah, Ampang semalam.